

Dewan *Sastera* ديوان سسترا

Penjana Sastera Kreatif • Bil. 12/2022



Rosli K. Matari
Penerima S.E.A. Write Award 2021

f Dewan Sastera
dewansastera
#MalaysiaMembaca

Mendidik Sastera
di Meja Sasterawan

Seni Prosa
Rosli K. Matari
menerusi Bayang Puisi

KK 800-90452-1222
ISSN 0126-5059



9 770126 505000

Hadiah Ikhlas



Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) • Haji Md. Johari Hassan

Pengarah Penerbitan • Haji Razali Che Mat
(razali3@dbp.gov.my)

Ketua Editor • Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor • Aninah Janang
(aninah@dbp.gov.my)

Editor • Muhammad Fadhli al-Akiti
(fadhli@dbp.gov.my)

Editor (JendelaDBP) • Ahmad Sayuti Mohd Yusob
(sayuti@dbp.gov.my)

Timbalan Editor • Zaidi Saad
(zaidi@dbp.gov.my)

Pentadbiran • Siti Hazlinda Mohd Zulkifli,
Nor Fazliatul Akmar Che Rani, Zaidi Mohd. Salleh,
Wan Mohd Safuan Wan Ahmad@Wan Hassan,
Mohamed Radzuan Mohamed Noor

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman • Yatt Hasan

Urusan Langganan

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran
Kompleks Dewan Bahasa Dan Pustaka
Lot 1037, Jalan AU3/1, 54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan.
Telefon: 03-4101 0033
Faksimile: 03-4101 2019
E-mel: pp@dbp.gov.my
<http://www.facebook.com/DBPniaga>
<http://dbpniaga.my>

Dicetak Oleh

Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

No. 11, Jalan Tun Perak 6, Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan.



© DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2022

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Sastera diterbitkan setiap bulan sejak tahun 1971. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Sastera* atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan juga, sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

KANDUNGAN

KARYA KREATIF

PUISI PILIHAN

24 *Rosli K. Matari*

DRAMA

65 **Ghaib**
Faisal Tehrani

PUISI BULAN INI

72 **Pemain Bernama El**
Raihani Mohd Saaid

73 **Dongeng Musim Tengkujuh**
Jack Malik

74 **Unggun**
Zalina Samsudin

Bayang-bayang
Lai Choy

75 **Di Ranjang**
Zulkifli Mohamed

Usah Dipadamkan Lampu Orang
Lim Kim Hui

76 **Kalau Aku Kerajaan**
Hipani Alwi

Di Sebalik Belantara Gelita
Aladin Mohamad

77 **Takhta Tanjak**
Shapiai Muhammad Ramly

Pekaka Api
Abdul Hadi Yusoff

CERPEN

78 **Ping**
Fudzail

85 **Pembuat Boneka dari Manchester**
Witer Gunik

UJANA KLASIK

129 **Gurindam Ilmu**
Pena Permai

KARYA BUKAN KREATIF

DARIPADA EDITOR

- 1 **Siapakah Penaung Sastra Kita?**
Fadli al-Akiti

SURAT KEPADA EDITOR

- 4 **Tenggelamnya Khazanah Ilmu**
Norsamila Samsudin

INFO SUSASTERA

- 5 **Salina: Mendepani Sebuah Abad**

DI TENGAH SIMPANG KATA

- 6 **Andai Telah Tersingkirnya Estetika ...**
Zaen Kasturi

FOKUS UTAMA

- 9 **Seni Prosa Rosli K. Matari menerusi Bayang Puisi**
Mawar Safei

KARYAWAN BULAN INI

- 16 **Masuk dan Masuk ke dalam Puisi Rosli K. Matari**
Nasirin Abdillah

ORASI

- 22 **Sepuluh Bidadari**
Rosli K. Matari

FOKUS KAJIAN

- 27 **Negara Bangsa, Komuniti dan Jejaring Sastra Asia Tenggara dalam Aliran Budaya Global: Dari Anderson ke Appadurai**
Lim Kim Hui

PENGALAMAN

- 34 **Mendidik Sastra di Meja Sasterawan**
Nik Mohd Hafiz Abdullah

AUTOBIOGRAFI

- 39 **California: Dunia di Barat Dunia**
Muhammad Haji Salleh
(Sasterawan Negara)

KALA PUTIK PUTIH

- 43 **Mengesan Jejak Sejarah**
Siti Zainon Ismail
(Sasterawan Negara)

PERMATA PUISI

- 47 **Bahasa dan Kreativiti Dinamik Rosli K. Matari**
Rahman Shaari
(Sasterawan Negara)

SASTERA TRADISIONAL

- 50 **Kisah Orang Perempuan dalam Syair Perempuan Bujang**
Roslina Abu Bakar

KRITIKAN PUISI

- 55 **Kepelbagaian Kreativiti dan Aforisme dalam Penulisan Puisi**
Jasni Matlani

KRITIKAN CERPEN

- 59 **Mencari Cerpen yang “Berjiwa”**
Norhayati Ab. Rahman

ULASAN BUKU

- 95 **Pengorbanan Kasih Sayang demi Kelangsungan Hidup**
Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail



Masuk dan Masuk ke dalam Puisi Rosli K. Matari

Rosli K. Matari ialah penyair yang memiliki beberapa keistimewaan, keunikan dan kekuatan tersendiri dalam kreativiti puisinya. Sehingga kini, beliau memiliki lapan buah kumpulan puisi yang terdiri daripada *Nun Bulan* (PPK, 2011), *Tidakkah Kita Berada Di Sana?* (PERADABAN, 2014), *Anak Dusun* (GEMA, 2014), *Matahari Itu Jauh* (ITBM, 2015), *Hanya Langit Meratap* (PERADABAN, 2015), *Aku Harus Pergi* (PERADABAN, 2018), *Hujung dan Selepas itu Lagi* (PERADABAN, 2020), dan *Abad Kronik* (PERADABAN, 2021). Daripada keseluruhan kumpulan ini, didapati beliau mempunyai beberapa keistimewaan dari segi pengucapan puisi.

Antaranya ialah, Rosli berkemampuan mencipta puisi dengan hanya menggunakan bahasa biasa, tidak terlalu mementingkan hiasan bunga bahasa yang lebat-lebat, malah amat mesra pembaca kerana puisinya mudah berkomunikasi dengan pembaca dan difahami. Namun begitu, puisinya tetap dapat dikagumi sebagai karya yang indah, halus pengucapan dan maknanya.

Selain itu, beliau merupakan penyair yang berkebolehan mencipta puisi yang agak panjang. Malahan, begitu berkebolehan dan terampil sekali menzahirkan keindahan rima akhir dalam puisinya. Beliau bagaikan Mozart, satu-satunya penyair yang cenderung (sebagai salah satu identiti kepenyairannya) merentakkan keindahan “muzik puisi” dalam pengucapan puisi mutakhir di tanah air. Beliau mampu merentakkannya, sekalipun pada ciptaan puisinya yang agak panjang.

Mungkin ramai yang tidak begitu menyedari bahawa Rosli membataskan gaya pengucapannya daripada mendatar atau malar. Pada kebanyakan penyair terkemuka di tanah air, gaya pengucapan mereka malar dan sedia dapat dikenal dengan identiti yang khusus.

Namun begitu, hal ini tidak ada pada Rosli. Gaya kepenyairan beliau lebih cenderung pada pengucapan bahasa yang biasa, namun terdapat juga pengucapan yang jelas amat mementingkan kepuitisan. Hal ini bermakna, beliau tidak secara

malar menetapkan dan memiliki gaya pengucapan secara khusus.

Perhatikan gaya pengucapan beliau pada puisi yang berikut:

Semua akan pergi.

*Seperti bayang,
pasti berangkat.*

*Tinggalkan aku
di sini,
sementara.*

*Aku ingin sekali
berasa,
masih ada.*

Puisi di atas, “Tinggalkan Aku Di Sini” (*Hanya Langit Meratap*, 2015:144), diungkapkan dengan bahasa biasa sahaja. Langsung tidak mementingkan kepuitisan, kecuali pemanfaatan sebuah unsur simile pada rangkap kedua. Pengungkapan bahasanya biasa kerana penyair ini mengutamakan tujuan berkongsi keindahan makna kepada pembaca. Dengan demikian, beliau menghindari bunga bahasa indah-indah kerana keindahan makna pada puisi ini jauh lebih mengatasi kepentingan untuk bermuluk-muluk dengan keindahan bahasa.

Akan tetapi, jika dibandingkan dengan pengucapan puisi “Senja Menyerahkan Gelap dan Menghantar Manusia ke dalam Diri” (*Kalau Kau Hawa Berikan Aku Cinta*, 2021:11) di bawah ini pula, ketara sekali bahawa puisi ini amat puitis. Puisi ini didedikasinya sebagai menghargai penyair Sasterawan Negara (SN) Dato’ Baha Zain. Malah, puisi ini terpilih memenangi hadiah utama pada sayembara sempena 50 tahun GAPENA.

*Matahari pergi tanpa pernah mengucapkan
Selamat tinggal, atau terbayang lambaian*

*Dan aku sehari lagi menjadi lebih tua
Daripada usia yang tidak mungkin ditunda*

*Bayang meninggalkan diriku tanpa berani
Memberi janji, esok akan panjang lagi*

*Aku pun tidak pernah menyimpan impian
Esok itu hari lain, serba mungkin*

*Tetapi dengan baki malam
Aku berani hidup, walau kelam*

*Hidup ini luas, walau gelita
Sepi malam lebih jernih pada jiwa*

*Memujuk diri, jauhlah daripada neon kota
Jangan mudah percaya pada cahaya seperti itu*

*Di celah-celahnya masih terselit goda dan dosa
Mengilau bujuk indah, bersinar segala palsu*

*Aku harus melupakan siang yang berdebu
Hiruk-pikuk, segala yang bengkok memperdaya*

*Wahai Tuhan, ampunilah segala dosaku
Dari siang, malam, dan setiap esok jika masih tiba.*

Pada perbandingan ini, jelas dapat ditemukan dan diketahui bahawa Rosli sebenarnya memiliki dua gaya pengucapan berbeza dalam kreativiti kepenyairannya. Ertinya, ada ketika, beliau menetapkan puisinya untuk diungkapkan secara pengucapan bahasa biasa. Ada ketikanya pula, beliau memilih untuk mengungkapkan puisinya secara puitis dan amat mementingkan keindahan bahasa.

Dengan demikian, rupa-rupanya, beliau sama sekali tidak bersifat malar pada gaya pengucapannya. Kemungkinan, hal ini masih belum disedari oleh khalayak sastera dan pengkritik. Hal ini sehingga kini, belum dapat dirumuskan dengan tepat, mengapa penyair ini membeza-bezakan gaya pengucapannya? Namun, tentulah Rosli lebih mengetahui pada perbezaan cara pengucapannya. Meski sehingga kini, beliau sendiri

belum pernah mendedahkan persoalan kreativitinya ini. Dua gaya ini dapat dikesan secara konsisten dalam pengucapan beliau.

Persoalannya, mengapa wujud dua perbezaan ketara dari segi pengucapan puisinya? Adakah ini memang suatu cara bagi Rosli untuk memiliki dan mendinamikkan ciri mandiri kepenyairannya? Hal ini wajar direnungi.

Bagi menemukan jawapan pada persoalan ini, pemikiran Rosli yang menjadi pegangan kreativitinya sejak dekad 80-an, mungkin dapat dirungkaikan sebagai jawapan yang tepat. Hal ini dapat diselongkar dan ditemui daripada buku beliau, *Rahimidin, Penyair sebagai Teman* (ITBM, 2016). Beliau pernah mengajar dan menegaskan kepada muridnya, Rahimidin Zahari, “Apabila kau dikurniakan ilham, kau jangan pentingkan apa yang ingin kautulis. Pentingkan, bagaimana cara untuk kau menuliskannya?” (2016:17).

Perhatikan sekali lagi: “kau jangan pentingkan apa yang ingin kautulis. Pentingkan, bagaimana cara untuk kau menuliskannya?” Nasihat ini jelas muncul sejak dekad 80-an lagi. Jika berpegang pada saranan ini, ertinya konsep “Pentingkan, bagaimana cara untuk kau menuliskannya” sudah berlegar selama tiga dekad, kira-kira 30 tahun – menjadi prinsip kreativiti Rosli.

Oleh itu, inilah jawapan yang dapat ditemukan, mengapa penyair ini ketara membeza-bezakan cara dan gaya pengucapan puisinya, tidak bersifat malar – antara bahasa biasa, mudah dengan bahasa puitis. Beliau penyair yang terlebih dahulu amat mementingkan “bagaimana cara untuk


menuliskannya” dalam kreativiti. Bukan terus mengarang puisi untuk menyampaikan pemikiran, melahirkan emosi dan mencipta bahasa yang indah lagi puitis.

Ertinya, inilah faktor terbesar mengapa Rosli membeza-bezakan cara pengucapan puisinya. Kebanyakan pengucapan puisi beliau adalah dengan bahasa biasa dan mudah, namun tetap mengandungi nilai sebagai puisi indah. Manakala, sesetengahnya pula langsung memberatkan kepuitisan pengucapan. Beliau memiliki keunggulan dan kebijaksanaannya yang tersendiri pada cara kreativiti.

Penyair ini memiliki kedinamikan mandiri kepenyairannya dengan dua aspek pengucapan demikian. Dalam erti kata, beliau menetapkan cara bagi dirinya tentang bagaimana sewajarnya bagi kreativiti untuk mencipta atau mengucapkan sesebuah puisinya: harus secara bahasa biasa sahaja atau wajar memberatkan kepuitisan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, khalayak yang membaca puisi Rosli K. Matari, sebenarnya tidak boleh untuk terus langsung kepada usaha memahami pemikiran, berkongsi emosi dan mencari atau menikmati keindahan bahasa. Hal ini membezakan beliau dengan kebanyakan penyair lain yang hanya terus langsung berfokuskan pemikiran, emosi dan bahasa.

Dalam usaha meneliti, memahami dan menghargai puisi Rosli, kita harus bijak untuk menduga dan mengetahui aspek beliau melahirkan kreativitinya. Namun begitu, hal ini tentu tidak akan mudah bagi pembaca. Puisinya belum tentu dapat diselami sedalam-dalamnya, khususnya dari segi kebijaksanaan cara dan tujuannya.





Serambi tempat Rosli membaca dan menulis.

Sehingga kini, persoalan ini belum dapat dipecahkan, iaitu pada jenis pemikiran atau puisi yang bagaimanakah, penyair bijak ini membezakan gaya pengucapannya?

Aspek dinamik lain yang ada dalam pengucapan penyair ini ialah kemahiran dan keterampilan beliau yang cukup bijaksana, dari segi menyembunyikan kecerdasan tinggi kreativitinya. Hal ini tidak mudah diselami oleh khalayak pembaca dan pengkritik. Alang-alang khalayak sastra berkemampuan untuk menyelami tahap kebijaksanaan kreativitinya, betapa pun puisinya tampak mudah sahaja, puisi beliau sebenarnya lebih umpama “air yang tenang jangan disangka tiada buaya”.

Mohamad Saleeh Rahamad (2016) sudah pernah awal-awal dahulu lagi menegaskan, “Sesungguhnya, banyak aspek yang dapat dibincangkan bagi menterjemahkan kepintaran Rosli bertingkah di gelanggang puisinya.” Manakala, M. Arif (2015) pula yang pernah meneliti puisi penyair ini mengatakan, “Puisi Rosli K. Matari adalah dinamik.”

Arif menjelaskan, puisi Rosli adalah memadai untuk “selesai dibaca” pada “lapis pertama” sahaja. Pada lapis ini pun puisinya mampu difahami dan sudah boleh dihayati oleh pembaca umum. Namun begitu, pada puisi Rosli, tersembunyi “lapis kedua” yang disediakan bagi mana-mana pembaca yang berupaya untuk berfikir pada aras tinggi dan kritis. Betapa pun tampak mudah begitu sahaja, namun bukanlah enteng.

Dengan merujuk salah sebuah puisi, “Srebrenica, Julai 1995” (*Tidakkah Kita Berada Di Sana?*, 2014:124), beliau dengan bijak dan menariknya mampu memecahkan dan membuktikan unsur dinamik yang terselindung atau tersirat pada fungsi diksi yang mendinamikkan pengucapannya.

Menurut Arif, puisi ini sudah memadai untuk selesai demikian sahaja, iaitu mampu difahami dan sudah boleh dihayati pembaca umum. Namun begitu, tegas beliau, puisi ini jauh lebih dinamik. Pada puisi ini, tersembunyi lapis kedua yang disediakan bagi mana-mana pembaca yang berupaya berfikir dengan aras tinggi dan kritis. Contohnya, perhatikan penggunaan diksi ‘*petak*’, ‘*garis lengkung*’ dan ‘*bulatan*’ yang diketengahkan pada rangkap pertama:

Ini petak, garis lengkung, dan bulatan yang diisytiharkan selamat. Tetapi sia-sia. Lebih menjadi lubang dan perangkap. Ditunggu oleh rajah berwarna merah dan peluru Serb.

Arif mempersoalkan, mengapa penyair memanfaatkan diksi ‘*petak*’, ‘*garis lengkung*’ dan ‘*bulatan*’? Beliau mengamati, ketiga-tiga diksi ini, walaupun tampak mudah sahaja, namun bukanlah biasa. Beliau memecahkan unsur dinamik yang terselindung atau tersirat pada fungsi diksi yang mendinamikkan pengucapan Rosli. Ketiga-tiga diksi ini jelas dapat menjadi diksi dinamik yang berkaitan dengan maksud: negara (*petak*), medan perang (*garis lengkung*) dan kawasan penempatan (*bulatan*) bagi masyarakat Bosnia yang berada di bawah jajaan pasukan tentera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Demikian juga, jika ditekuni dengan halus, dinamisme yang tersembunyi dalam rangkap ketiga puisi ini:

Darahku mengalir, mencari kubur dan nisan. Tetapi yang ada hanyalah runtuh dinding bangunan tua, bunga yang berselerak di tepi jalan, dan anak burung yang terkapar di bawah pokok.

Dijelaskan oleh Arif, ungkapan “*bangunan tua*”, “*bunga*” dan “*anak burung*” yang diketengahkan sebenarnya bukanlah suatu diksi yang semata-mata

ingin ditampilkan begitu sahaja. Sebaliknya, pada ketiga-tiga diksi tersebut jelas sebagai jujukan serasi yang memang difikirkan dan dipilih rapi oleh Rosli, dalam kreativiti tinggi puisinya ini.

Penyair ini menyembunyikan anjakan citra untuk direnungi dan dihayati oleh pembaca yang bersedia. “*Bangunan tua*” ialah suatu sinonim pada citra golongan tua, termasuk ‘bunga’ (gadis) dan “*anak burung*” (kanak-kanak) yang menjadi mangsa perang genosid tersebut.

Demikian satu contoh bagaimana Rosli K. Matari benar-benar berkemampuan menampilkan daya kreativiti tinggi terhadap puisinya. Hanya dengan pengucapan bahasa biasa, namun cukup berupaya mencipta puisi yang bersifat dinamik. Malah diyakini, keseluruhan puisi Rosli sebenarnya mengandungi unsur atau baris yang dinamik.

SN Dato’ Rahman Shaari merupakan pengkritik yang pernah meneliti kepenyairan Rosli K. Matari. Pada tahun 2020, beliau melalui kertas kerja mengenai para penyair Kelantan yang dibentangkannya pada Seminar Puisi Kelantan, berterus-terang menyebutkan: “Jikalau dapat dipersetujui oleh Sdr. Rosli K. Matari sendiri, saya mengisytiharkan penciptaan puisi beliau adalah puisi dinamik.”

Baris dinamik, atau puisi dinamik, dapat diertikan sebagai karya puisi yang benar-benar mampu bertenaga menganjukkan dan melonjakkan makna yang jauh lebih penting dan besar, sebagai fungsi lapisan pemikiran yang

tersembunyi atau tersirat. Lapisan ini merupakan suatu perlindungan di sebalik baris atau pemikiran yang sedia ada di hadapan. Matlamat atau fungsinya adalah untuk mendorong serta membawa khalayak sastera kepada pemikiran lebih tinggi atau genius.

Ternyata, Rosli K. Matari ialah penyair yang lebih berminat mendahulukan keutamaan prinsip dan konsep untuk membijakkan khalayak sastera, di samping berkongsi sisi pemikiran – tema serta mesej, emosi dan bahasa dalam puisi. Rosli ialah penyair yang cukup berkebolehan tinggi dalam menggarap puisi dinamik. Sejauh manakah sebenarnya Rosli K. Matari memiliki kehebatan mencipta “puisi dinamik” daripada sisi kreativitinya?

Hal ini akan dibuktikan lagi.

Sebagai contoh, perhatikan “Sajak Hujung Disember” Rosli yang berikut:

*tinggal padaku
mawar basah, titik hujan
senja, dan deru angin*

*pada cemara
bagai kudengar lagi
bisik, entah rubaiyat*

*seakan-akan lirik
yang masih tinggal
berulang-ulang kudengar*

*apakah yang harus
kudendang, wahai sepi
bayang dan mimpi?*

*ah, kau kekasih yang pergi
tidak pernah selesai
kukenang*

Adakah puisi ini sebuah puisi yang “biasa-biasa” sahaja?

Puisi ini boleh ditemui daripada antologi *Kek Hari Jadi* (Katapilar, 2022:17). Sebuah puisi yang cukup indah dan mudah direnung sebagai ratapan kenangan cinta. Agaknya, dapat direnung rahsia pemikiran kreativiti Rosli melalui puisi ini, yang harus diindahkannya agar bersesuaian untuk menepati keindahan cinta, bukan lagi sebagai puisi dengan pengucapan biasa atau langsung yang lebih mementingkan keindahan makna.

Puisi ini diungkapkan dengan puitis. Diindahkannya dengan citra ‘mawar’, ‘hujan’, ‘senja’, ‘angin’, ‘cemara’, ‘rubaiyat’, ‘sepi’, ‘bayang’, dan ‘mimpi’. Manakala ungkapan “*kau kekasih yang pergi/tidak pernah selesai/kukenang*” meski sebagai ungkapan yang langsung, namun masih menarik sebagai pengucapan yang berkesan untuk direnung dan dihayati.

Namun begitu, benarkah memadai sekadar demikian sahaja? Tidak sebenarnya. Masih ada kreativiti tinggi sebagai pengucapan dinamik oleh Rosli yang tersembunyi.

Di manakah tersembunyinya kedinamikan pengucapan puisi ini?

Perhatikan, ungkapan “*mawar basah*”, “*titik hujan*”, “*senja*”, dan “*deru angin*”. Citra ini tidak dipisahkan atau diasingkan tetapi disepadukan dalam satu rangkap bagi memudahkan kesan yang mendalam, sekali gus pada pengucapannya juga. Semua citra ini tidak berfungsi sebagai perlambangan. Sebaliknya,

merupakan pengucapan dinamik yang mampu dijanjikan kepada pemahaman yang lain.

Kedinamikan anjakan ini ialah “*mawar basah*” yang bersesuaian dengan kekasih yang masih tetap segar dalam ingatan atau kenangan. “*Titik hujan*” bersesuaian dengan air mata atau ratapan. ‘*Senja*’ bersesuaian dengan cinta yang sudah berakhir. “*Deru angin*” pula bersesuaian untuk memberikan gambaran keresahan jiwa.

Penyair ini begitu bijak dan pintar mendinamikkan pengucapannya yang tersangka hanyalah sekadar ungkapan biasa. Oleh itu, membaca puisi Rosli seperti membaca kegeniusan kreativiti. Kekreatifan puisinya bukanlah semata-mata bertujuan untuk melahirkan pemikiran dan emosi. Bukanlah semata-mata untuk menikmati suara keindahan bahasa. Tidak pada Rosli. Hal ini suatu yang agak sukar ditemui dan diperolehi daripada penyair lain.

Seterusnya lagi, renungi juga, mengapa puisi ini dijudulkannya sebagai “Sajak Hujung Disember”? Perhatikan, jika disoal – Mengapa tidak, misalnya sebagai “Sajak Disember” atau “Sajak Bulan Disember” sahaja? Atau mungkin, “Sajak Awal Januari”, “Sajak Pertengahan Bulan Mei” atau “Sajak September”?

Sebagai “Sajak Hujung Disember”, memang dapat menunjukkan puisi ini tercipta pada bulan tersebut. Namun begitu, puisi ini sebenarnya memiliki kedinamikan pengucapannya yang tersendiri. Rosli penyair Kelantan. Negeri ini terletak di kawasan

Pantai Timur, mengalami musim tengkujuh, lebat dengan hujan pada bulan Disember. Biasanya, begitulah cuaca dan iklim di Kelantan.

Oleh yang demikian, ‘*Disember*’ yang ditampilkan pada judul puisi ini bukanlah wewenang. Hal ini ialah suatu kedinamikan dalam pengucapan penyair ini. Bukankah Disember sebagai bulan atau musim tengkujuh yang lebat dengan hujan – sesuai dan berkesan sebagai judul yang dapat menepati isi puisinya? Justeru, hujan benar-benar bersesuaian untuk bersinonim dengan air mata dan kesedihan!

Demikian, rahsia kedinamikan dapat dirungkaikan. Judul puisi ini seakan-akan memerlukan bulan Disember dengan begitu tepat.

Malah renungi lagi, kata ‘*Hujung*’ dalam judulnya. ‘*Hujung*’ ialah pengakhiran. Bersesuaian, malah tepat dengan isi puisi ini yang mengungkapkan pengakhiran cinta. Jelas sekali, pada penampilan judul pun, puisi ini memiliki kedinamikan pengucapan. Siapa sangka, puisi yang kelihatan mudah, sebenarnya mengandungi baris pengucapan yang begitu hebat, sebegitu dinamik?

Bayangkan. Puisi beliau yang dengan mudah akan tersangka mesra pembaca, mudah difahami, sebenarnya tidaklah sedemikian. Beliau menyediakan dan berkomunikasi dengan pembaca pada lapis pertama. Akan tetapi, tersembunyi cara, fungsi dan hala tuju yang lebih mendalam bagi pembaca yang bijak, walaupun kebijaksanaan beliau tidak mudah dikesan dan diselami.

Begitu banyak, sebenarnya, puisi beliau yang boleh diselami pengucapannya sebagai “puisi dinamik”, yang terdapat dalam semua kumpulan puisinya, jika pintar untuk diamati dengan mendalam. Tinggal lagi, sama ada pengkritik atau khalayak sastera mampu mendalaminya atau tidak.

Rosli K. Matari ialah pelopor puisi dinamik, atau pengucapan baris dinamik. Sebelum ini, sesetengah penyair lain bukanlah tidak menampilkan pengucapan baris dinamik. Contohnya, Kassim Ahmad. Sesetengah puisi beliau ada mengandungi baris dinamik. Namun begitu, kebanyakan ciptaan Kassim bagaikan suatu kebetulan. Sekadar sedikit sahaja. Di samping itu, bukanlah pada usaha untuk beliau lebih memperkasa unsur ini. Malah, secara hakikatnya, beliau tidaklah bermatlamat untuk memanfaatkan sepenuhnya puisi dinamik secara serius, berbanding dengan Rosli.

Empat dekad selepas keunggulan puisi keintelektualan dipelopori oleh SN Prof. Muhammad Haji Salleh, kini kita menemui pula kreativiti puisi dinamik melalui Rosli K. Matari, sebagai suatu sisi lain dan terbaharu dalam perkembangan puisi tanah air. Ciri kedinamikan ini pada sisi kreativiti beliau sebenarnya sudah lama dilangsungkan olehnya. Cuma, hal ini sebelum ini tidak disedari umum, sebelum ditemui oleh M. Arif dan kemudian mendapat penegasan yang kukuh oleh Rahman Shaari terhadap Rosli K. Matari. ■